

Dr. Mahathir tidak dapat hadir perhimpunan

UM-13/11/2006

KUALA LUMPUR 12 Nov. – Tun Dr. Mahathir Mohamad kesal kerana tidak dapat hadir ke Perhimpunan Agung UMNO Rabu ini atas nasihat doktor, kata anaknya, Datuk Mukhriz.

Menurutnya, Dr. Mahathir memang ingin menghadiri perhimpunan berkenaan walaupun sebagai tetamu khas.

Bagaimanapun, kata beliau, bapanya akan mengikuti perkembangan perhimpunan itu termasuk ucapan dasar oleh Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melalui siaran langsung televisyen.

“Tun akan tetap mengikuti perkembangan perhimpunan tetapi melalui televisyen sebab doktor nasihatkan supaya dia berehat lebih lama.

“Apa yang dimaklumkan kepada saya, Tun perlu menerima rawatan selama seminggu walaupun keadaannya sudah mula pulih. Maknanya dia di hospital dalam tiga hingga empat hari lagi,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Dalam pada itu, katanya, para perwakilan Perhimpunan Agung UMNO dijemput hadir pada majlis doa selamat untuk Dr. Mahathir di Grand Ballroom, Hotel Grand Seasons di sini pada 14 November ini.

Ditanya sama ada Dr. Mahathir akan terus bekerja selepas ini, Mukhriz berkata: “Ya, itu juga salah satu nasihat doktor kepada beliau (selepas berehat).”

Katanya, doktor sudah menasihatkan Dr. Mahathir supaya terus bekerja tetapi dalam bentuk yang lebih santai selepas berehat selama dua bulan.

Katanya, rehat tanpa melakukan apa-apa kerja boleh menyebabkan beliau berasa tertekan dan ia tidak elok kepada kesihatannya.

Hari ini adalah hari ketiga Dr. Mahathir dimasukkan ke Unit Rawatan Koronari (CCU) Institut Jantung Negara (IJN) selepas diserang sakit jantung ringan pada pagi kelmarin.

Beliau yang telah dipindahkan ke wad biasa semalam hari ini dikunjungi beberapa menteri termasuk Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sementara itu, Mukhriz yang juga Exco Pergerakan Pemuda UMNO meminta para perwakilan Perhimpunan Agung parti yang ingin membangkitkan isu-isu yang pernah dibangkitkan oleh bapanya supaya melakukannya dengan berhati-hati agar tidak disalah erti.